



## BUKU PERATURAN

---

### KEJOHANAN BOLA SEPAK LABOUR DAY CUP 2024

---

TARIKH :

1 MEI 2024

DISEDIAKAN OLEH :

KELAB BOLA SEPAK WARGA PUCHONG JUNIOR

## **1. AM**

Pertandingan ini dinamakan Kejohanan Bola Sepak Labour Day Cup 2024. Tarikh dan masa program adalah pada 1 Mei 2024 jam 8 Pagi hingga 3 Petang.

## **2. PENGANJUR / PENGELOLA**

2.1 Penganjur Kejohanan Bola Sepak Labour Day Cup 2024 ini adalah Grassroots Sports Marking dengan kerjasama Kelab Bola Sepak Warga Puchong Junior dan Ahli Majlis Zon 13, MBSJ.

2.2 Pengurusan pertandingan, kawalan dan tata tertib adalah di bawah Jawatankuasa Pertandingan.

2.3 Pihak penganjur tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kecederaan atau keselamatan pemain atau kehilangan barang dan ianya menjadi tanggungjawab pasukan sepanjang kejohanan.

## **3. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN**

3.1 Pertandingan ini terbuka kepada dua (2) kategori umur iaitu kategori umur 8 dan 10 tahun.

3.2 Kelayakan umur pemain adalah seperti berikut:

3.2.1 Pertandingan umur 8 tahun ke bawah

– DILAHIRKAN PADA TAHUN ATAU SELEPAS 1 JANUARI 2016

– **PEMAIN AT/NFDP** DILAHIRKAN PADA TAHUN ATAU SELEPAS 1 JANUARI 2017

3.2.2 Pertandingan umur 10 tahun ke bawah

– DILAHIRKAN PADA TAHUN ATAU SELEPAS 1 JANUARI 2014

– **PEMAIN AT/NFDP** DILAHIRKAN PADA TAHUN ATAU SELEPAS 1 JANUARI 2015

3.3 Pertandingan terbuka kepada WARGANEGARA sahaja.

- 3.4 Had maksimum pendaftaran pemain bagi setiap kategori adalah seperti berikut:
- 3.4.1 Pertandingan umur 8 tahun ke bawah – 10 Orang
  - 3.4.2 Pertandingan umur 10 tahun ke bawah – 14 Orang
- 3.5 Pemain PEREMPUAN yang berumur lebih setahun daripada setiap kategori dipertandingkan adalah LAYAK untuk didaftarkan.
- 3.5.1 Pertandingan umur 8 tahun ke bawah
    - DILAHIRKAN PADA TAHUN ATAU SELEPAS 1 JANUARI 2015
    - **PEMAIN AT/NFDP** DILAHIRKAN PADA TAHUN ATAU SELEPAS 1 JANUARI 2016
  - 3.5.2 Pertandingan umur 10 tahun ke bawah
    - DILAHIRKAN PADA TAHUN ATAU SELEPAS 1 JANUARI 2013
    - **PEMAIN AT/NFDP** DILAHIRKAN PADA TAHUN ATAU SELEPAS 1 JANUARI 2014
- 3.6 Pemain Akademi Tunas (AT) DIBENARKAN untuk didaftarkan bagi kategori dipertandingkan.
- 3.6.1 Pemain AT U8 – Tiada had
    - DILAHIRKAN PADA TAHUN ATAU SELEPAS 1 JANUARI 2017 (LELAKI)
    - DILAHIRKAN PADA TAHUN ATAU SELEPAS 1 JANUARI 2016 (PEREMPUAN)
  - 3.6.2 Pemain AT U10 – Tiada had
    - DILAHIRKAN PADA TAHUN ATAU SELEPAS 1 JANUARI 2015 (LELAKI)
    - DILAHIRKAN PADA TAHUN ATAU SELEPAS 1 JANUARI 2014 (PEREMPUAN)
- 3.7 Pemain yang TIDAK DIDAFTARKAN tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam pertandingan ini.
- 3.8 Seorang pemain yang telah didaftarkan dalam satu pasukan TIDAK LAYAK mewakili pasukan lain dalam pertandingan ini.
- 3.9 Adalah menjadi tanggungjawab pasukan sepenuhnya untuk memastikan bahawa pemain tersebut layak untuk mewakili pasukan tersebut. Kegagalan pasukan untuk memenuhi syarat-syarat penyertaan akan dikenakan tindakan oleh pengatur seperti yang ditetapkan dalam peraturan am pertandingan ini.

#### **4. PENDAFTARAN DAN YURAN**

- 4.1 Yuran pengesahan penyertaan (deposit) bagi semua kategori adalah RM150
- 4.2 Yuran Penyertaan perlu dijelaskan adalah seperti berikut:
- 4.2.1 Kategori U8 – RM320
  - 4.2.2 Kategori U10 – RM350
- 4.3 Pendaftaran pemain adalah melalui aplikasi online. ID pengguna akan diberikan kepada setiap pengurus atau jurulatih pasukan yang bertanding.

3

#### **5. LOKASI DAN JADUAL PERTANDINGAN**

- 5.1 Semua perlawanan akan dijalankan di **Padang Bola sepak MBSJ Puchong Indah, Taman Puchong Indah, 47100 Puchong, Selangor, Selangor**
- 5.2 Perlawanan akan diadakan pada **1 Mei 2024**. Masa perlawanan bermula dari **8:00 pagi** hingga **3:00 petang**. Setiap perlawanan akan mengikut jadual yang telah ditetapkan namun tertakluk kepada sebarang perubahan oleh Jawatankuasa Pertandingan.

#### **6. FORMAT PERTANDINGAN**

- 6.1 Sistem pertandingan dijalankan mengikut peraturan AM Program Pembangunan Bola Sepak Negara dan FAS.
- 6.2 Berikut adalah format pertandingan mengikut kategori umur:
- 6.2.1 Pertandingan umur 8 tahun ke bawah (Tiada offside)
    - PEMAIN AKAN BERMAIN DENGAN FORMAT LIMA (5) SEBELAH
  - 6.2.2 Pertandingan umur 10 tahun ke bawah (Tiada offside)
    - PEMAIN AKAN BERMAIN DENGAN FORMAT TUJUH (7) SEBELAH
- 6.3 Perlawanan dijalankan melibatkan peringkat liga satu (1) pusingan dan peringkat kalah mati.

- 6.4 Peraturan peringkat liga 1 pusingan adalah seperti berikut:
- 6.4.1 Pemberian mata  
– Menang 3 mata, seri 1 mata dan kalah 0 mata.
- 6.4.2 Setelah selesai semua perlawanan liga 1 pusingan, jika ada dua (2) atau lebih pasukan dalam kumpulan tersebut telah mengutip jumlah mata yang sama maka penentuan kedudukan adalah mengikut hierarki seperti berikut:
- i) Pasukan yang pernah mengalahkan lawan (*head-to-head*). Jika ada lebih 2 pasukan yang terlibat H2H, maka pengiraan kedudukan liga akan terus ke perbezaan gol (*goal difference*)
  - ii) *goal difference* – GD
  - iii) Jumlah Jaringan – GF
  - iv) Jika kedudukan masih sama, pemenang teratas akan ditentukan melalui sepakan *penalty*.

6.5 Peringkat kalah mati. Dua (2) pasukan teratas kedudukan liga layak ke perlawanan peringkat kalah mati.

- 6.6 Peraturan peringkat kalah mati adalah seperti berikut:
- 6.6.1 Tiada tambahan masa diberikan melibatkan perlawanan peringkat kalah mati.
- 6.6.2 Sekiranya terdapat keputusan seri setelah tamat tempoh masa perlawanan, pemenang akan ditentukan melalui tiga (3) sepakan penalti.
- 6.6.3 Jika pasukan masih seri selepas tiga (3) sepakan penalti, sepakan "sudden death" akan dikuatkuasakan.
- 6.6.4 Jika masih seri selepas kesemua pemain setiap pasukan mengambil sepakan penalti, pemain dikehendaki untuk mengambil semula sepakan penalti sehingga pemenang dapat ditentukan mengikut format "sudden death"

## **7. SEPAKAN DARI TANDA PENALTI**

Sepakan dari tanda penalti, jika diberikan hendaklah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh FIFA.

## **8. MASA PERLAWANAN**

Masa permainan bagi semua perlawanan yang dipertandingkan mengikut kategori umur adalah seperti berikut:

- 8.1 Perlawan kategori U8 – 17 minit
- 8.2 Perlawan kategori U10 – 18 minit

## **9. PEMAIN GANTIAN**

Pasukan dibenarkan untuk pertukaran pemain tanpa had sepanjang perlawanan secara *Rolling Substitution*.

## **10. JADUAL PERLAWANAN**

Jadual perlawanan disediakan oleh Jawatankuasa Pertandingan. Jawatankuasa Pertandingan berhak buat pindaan jadual perlawanan bagi memastikan kelancaran kejohanan atau atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan seperti kepentingan sukan bola sepak.

## **11. PENGADILAN**

Pengadil yang mengadili perlawanan adalah pengadil yang bertauliah.

6

## **12. KEMENANGAN PERCUMA**

Kemenangan percuma tiga (3) mata dan kiraan jaringan 3-0 akan diberikan kepada mana-mana pasukan, jika pasukan lawannya didapati melakukan kesalahan seperti berikut:

- 12.1 Menyenaraikan pemain yang tidak didaftarkan dalam pasukan seperti dinyatakan dalam syarat-syarat penyertaan peraka para 3.
- 12.2 Gagal berada di padang selepas lima (5) minit dari masa perlawanan sepatutnya dimulakan.

12.3 Gagal bermain atau gagal menyediakan jumlah minimum pemain dalam sesuatu perlawanan.

12.3.1 Pertandingan umur 8 tahun ke bawah – 3 orang pemain

12.3.2 Pertandingan umur 10 tahun ke bawah – 5 orang pemain

12.4 Jika permainan dihentikan disebabkan salah satu pasukan tidak mempunyai jumlah minimum pemain (perkara 12.3.1 dan 12.3.2) kerana kesalahan tata tertib, maka pasukan lawan akan diberikan kemenangan.

12.5 Tidak mahu meneruskan perlawanan.

12.6 Pasukan yang bertanding tidak dibenarkan memberi kemenangan percuma kepada pasukan lawan. Jika berlaku juga keadaan sedemikian, pasukan tersebut secara automatik terkeluar dari kejohanan ini dan perlawanan sebelumnya dibatalkan.

### **13. BANTAHAN**

Sebarang bantahan atas perkara yang BUKAN berkaitan undang-undang/ peraturan permainan/ keputusan pengadil boleh di buat secara bertulis, berserta bukti dan bertanda tangan pengurus pasukan kepada Jawatankuasa Pertandingan dalam tempoh 30 minit selepas tamat perlawanan. Bayaran RM300 dikenakan untuk setiap bantahan oleh pasukan.

7

### **14. PERATURAN AM**

14.1 Pasukan yang bertanding digalakkan menyediakan dua (2) set jersi bernombor yang mempunyai warna yang berlainan iaitu untuk jersi utama dan simpanan. Sekiranya dua (2) pasukan bertanding didapati memakai jersi yang sama warnanya, pasukan yang disebut kemudian (away team) dalam jadual pertandingan hendaklah menukar jersi yang dipakai dengan warna lain. Jika masih sama warna jersi, pasukan yang tersebut hendaklah memakai baju BIP bola yang disediakan oleh penganjur.

14.2 Semua pemain hendaklah memakai jersi yang bernombor seperti yang didaftarkan. Jika terdapat sebarang perubahan nombor jersi pemain, pasukan perlu memaklumkan kepada Jawatankuasa Pertandingan sebelum perlawanan dijalankan.

- 14.3 Semua pemain hendaklah berpakaian kemas dan mengikut peraturan pakaian pemain yang dikuatkuasakan oleh FAM termasuk stoking panjang.
- 14.4 Semua pemain perlu kuku pendek/ dipotong.
- 14.5 Kasut bola (boots) perlu mengikut peraturan yang ditetapkan dan pelapik betis shin pads wajib dipakai oleh semua pemain.
- 14.6 Ketua pasukan hendaklah memakai lilitan lengan.
- 14.7 Jika seseorang pemain telah menerima dua (2) kad kuning dalam perlawanan sebelumnya pemain tersebut secara automatik tidak dibenarkan bermain satu (1) perlawanan berikutnya.
- 14.8 Jika seseorang pemain menerima dua (2) kad kuning dan seterusnya diberikan satu (1) kad merah semasa perlawanan dan diperintahkan keluar padang, maka pemain tersebut tidak boleh bermain dua (2) perlawanan berikutnya.
- 14.9 Jika seseorang pemain ditunjukkan kad merah dan diperintahkan keluar padang semasa perlawanan, pemain tersebut tidak boleh bermain tiga (3) perlawanan berikutnya.
- 14.10 Pihak pengajur tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini terhadap mana-mana pihak sebelum, semasa dan selepas pertandingan ini dijalankan.
- 14.11 Jika tidak disebut dalam syarat-syarat pertandingan ini maka syarat-syarat Sistem pertandingan Program Pembangunan Bola Sepak Negara dan FAS. hendaklah digunakan.

## **15. PERLAWANAN YANG DIHENTIKAN**

- 15.1 Sekiranya pengadil menghentikan perlawanan kerana sikap penonton, pegawai atau pemain yang tidak memuaskan, atau mendatangkan ancaman, maka pengadil perlu buat laporan bertulis kepada Jawatankuasa Pertandingan dan Jawatankuasa Pertandingan berhak buat keputusan. Keputusan yang diambil oleh Jawatankuasa

Pertandingan adalah muktamad. Kemenangan akan diberikan kepada pasukan lawan dengan jumlah jaringan gol 3-0.

15.2 Perlawanan yang tertangguh akan dimainkan semula mengikut baki masa permainan yang tertangguh kecuali sebarang perubahan Jawatankuasa Pertandingan.

15.3 Hujan atau kesan hujan. Jawatankuasa Pertandingan berhak buat keputusan untuk tidak meneruskan perlawanan. Jika perlawanan diteruskan, perkara 15.2 adalah dirujuk. Jika perlawanan gagal diteruskan, perlawanan hanya akan dikira sah (tamat) setelah mencapai 10 minit masa perlawanan. Jika masa perlawanan kurang dari 10 minit maka Jawatankuasa Pertandingan berhak buat Keputusan lain yang sesuai dan tertakluk kepada budi bicara, hasil perbincangan bersama pihak padang dan pengadil perlawanan.

## **16. TARIK DIRI**

Menarik diri atau enggan meneruskan perlawanan atau meninggalkan padang sebelum tamat tempoh masa permainan dalam kejohanan adalah tidak dibenarkan. Pasukan yang melakukan kesalahan tersebut akan dikenakan denda RM300 dan semua keputusan perlawanan melibatkan pasukan tersebut akan dibatalkan.

9

## **17. ETIKA PEGAWAI**

17.1 Pengurus Pasukan hendaklah bertanggungjawab memastikan pegawai, pemain dan penyokong berpegang teguh kepada etika dan tingkah laku yang berdasarkan semangat kesukuanan.

17.2 Pegawai bertugas akan buat laporan bertulis kepada Persatuan Bola Sepak Selangor dan Pengarah Pendidikan Negeri mengenai pegawai atau pasukan yang bertindak melanggar peraturan atau objektif pertandingan secara keseluruhannya.

17.3 Sebarang penipuan berkaitan pendaftaran pemain atau pemain yang diturunkan semasa perlawanan, sama ada sengaja atau tidak sengaja adalah dianggap sebagai kesalahan berat bertentangan dengan etika permainan bola sepak.

17.4 Tindakan membantah sebarang keputusan dengan tindakan keluar padang semasa perlawanan juga merupakan kesalahan berat dan bertentangan dengan etika permainan bola sepak.

17.5 Pegawai pasukan yang dikenakan tindakan tatatertib oleh pegawai perlawanan akan digantung satu (1) perlawanan. Jawatankuasa Pertandingan akan menimbang laporan pengadil untuk tindakan selanjutnya dan jika perlu, tindakan lebih berat boleh dikenakan kepada pegawai pasukan tersebut.

17.6 Pegawai pasukan tidak dibenarkan memakai seluar pendek, jeans, t-shirt tanpa lengan dan selipar.

## **18. HAL-HAL YANG TIDAK DIPERUNTUKKAN**

Segala hal yang tidak diperuntukkan dan segala tafsiran mengenai peraturan dan syarat yang terkandung hendaklah di selenggara oleh Jawatankuasa Pertandingan. Sebarang keputusan adalah muktamad kecuali diputuskan oleh Jawatankuasa induk Kejohanan.